

LKIM sumbang RM4,000 kepada Zainab

KUALA TERENGGANU 17 Feb. - Kedukaan kerana kehilangan suaminya, Abdullah Salleh, 59, yang mati lemas dalam kejadian bot karam semasa keluar menangkap ikan di perairan Marang pertengahan Januari lalu masih dirasai oleh Zainab Mahmud.

Zainab, 51, ibu kepada enam orang anak itu yang turut menghidap penyakit darah tinggi terpaksa memikul tanggungjawab sepenuhnya bagi menguruskan keperluan keluarga dan amat berterima kasih bila ada yang sudi menjenguk dan membantu.

Hari ini dia dan keluarganya di Cendering dekat sini diziarahi Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Mohd. Jidin Shafie dan turut dihadiri Timbalan Pengarah LKIM negeri, Zali Ibrahim.

Selain bertanya khabar, bagi meringankan bebanan keluarga itu, Mohd. Jidin menyerahkan cek bernilai bernilai RM4,000 yang disumbangkan melalui Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan.

Dalam kejadian 15 Januari lalu, bot yang dinaiki arwah bersama adiknya, Yusof Salleh, 49, dan rakannya, Md. Ali Musa, 61 karam kira-kira 2 batu nautika (3.7 kilometer) dari lokasi mereka bertolak di Pantai Pandak, Cendering.

Mayat Abdullah dijumpai terdampar di tepi pantai berhampiran Sekolah Kebangsaan Cendering oleh orang awam kira-kira 7.30 pagi dua hari selepas arwah dilaporkan hilang.

Sementara itu, Yusof dan Md. Ali yang terselamat dalam kejadian itu turut menerima sumbangan peribadi RM500 setiap seorang.

Bagi Zainab, dia reda dengan pemergian suaminya dan walaupun selama ini tidak bekerja, dia perlu mencari wang untuk menanggung keluarga terutama bagi keperluan anak bongsunya yang masih bersekolah.

"Saya bersyukur dan amat berterima kasih kepada Datuk Mohd. Jidin dan LKIM. Wang ini saya akan digunakan secara berhemah untuk perbelanjaan waktu kecemasan," katanya.

Sementara itu, Zali memberitahu, LKIM negeri telah membelanjakan sejumlah RM259,500 untuk disumbangkan kepada 125 orang penerima faedah Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan tahun lalu.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 30 nelayan dari daerah Besut, 17 orang (Setiu), 34 orang (Kuala Terengganu), 13 orang (Marang), 20 orang (Dungun) dan 11 orang dari daerah Kemaman.

"Sementara itu, 12 lagi permohonan masih diproses dan tujuh ditolak kerana dokumen tidak lengkap serta tidak memenuhi syarat yang ditetapkan," katanya.

Skim itu diperkenalkan Januari 2009, bertujuan memberi bantuan kepada nelayan untuk meringankan beban apabila berlaku musibah kepada mereka.

Mereka yang layak menerima bantuan dan sumbangan melalui skim ini adalah yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan dan mempunyai kad nelayan, kad e-Diesel dan kad e-Petrol atau mereka yang menjadi ahli Persatuan Nelayan Kawasan.



Mohd. Jidin Shafie (kanan) menyampaikan sumbangan kepada Zainab Mahmud (kiri) sambil diperhatikan waris yang lain di rumah keluarga itu di Chendering, Kuala Terengganu, semalam.